

SURAT PEKELILING PENTADBIRAN UMP BIL. 3 TAHUN 2020

KEHADIRAN STAF UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG DALAM TEMPOH KECEMASAN AM (BENCANA BANJIR)

TUJUAN

- 1.0 Pekeliling Pentadbiran ini bertujuan memaklumkan keputusan pengurusan universiti berkenaan tatacara kehadiran staf ke kampus dalam tempoh Kecemasan Am (Bencana Banjir).

LATAR BELAKANG

- 2.0 Menerusi Pekeliling Pentadbiran UMP Bilangan 5 Tahun 2013, staf universiti yang terlibat dalam bencana banjir dan tidak dapat hadir bekerja dibenarkan untuk tidak hadir bertugas dengan pengesahan daripada Ketua Jabatan.

PELAKSANAAN

- 3.0 Seiring dengan fleksibiliti perkhidmatan awam kini, pengurusan universiti bersetuju untuk menambah baik pekeling tersebut dengan pelaksanaan seperti berikut:
 - 3.1 Staf yang mana kawasan kediaman dinaiki air boleh diberikan Kebenaran Tidak Hadir Kerja Atas Sebab Musabab Kecemasan Am (Bencana Banjir);
 - 3.2 Staf yang terkandas di luar kawasan disebabkan penutupan jalan boleh diberikan kelulusan Kebenaran Tidak Hadir Kerja Atas Sebab Musabab Kecemasan Am (Bencana Banjir) dan perlu kembali dengan seberapa segera sebaik sahaja laluan dibuka;
 - 3.3 Staf yang tidak dapat hadir bertugas disebabkan terputus laluan ke pejabat diberikan kelulusan untuk Bekerja Dari Rumah (BDR);
- 4.0 Staf perlu dengan kadar segera memaklumkan kepada Ketua Jabatan berkenaan status semasa dan turut membuat permohonan:
 - 4.1 Bagi kes 3.1 dan 3.2: *e-community > staff management > personal > leave > unrecorded leave > Kebenaran Tidak Hadir Bekerja atas Sebab Kecemasan Am (Cth: Bencana Alam / Banjir)*. Dokuman pengesahan banjir perlu dikemukakan bersama-sama dengan permohonan ini
 - 4.2 Bagi kes 3.3: *e-community > staff management > personal > work order*

TARIKH KUAT KUASA

- 5.0 Surat Pekeliling Pentadbiran ini berkuat kuasa mulai 3 Januari 2021.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Memasyarakatkan Teknologi

Saya yang menjalankan amanah,

PROF. MADYA DR. MOHD RIDZUAN BIN DARUN

Ketua Pegawai Operasi / Pendaftar
Universiti Malaysia Pahang

Tarikh : Januari 2021